



How to cite this article:

Zamimah, O., Kasim.,M., Zain, F. M, Ismail, N.H. & Farah Nadia, M.F. (2021). Pembentukan Identiti Kendiri Pelajar Universiti: Perbandingan Pelajar Tahun Pertama dengan Pelajar Tahun Akhir. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 24, 1-26. <https://doi.org/10.32890/jps2021.24.1>

PEMBENTUKAN IDENTITI KENDIRI PELAJAR UNIVERSITI: PERBANDINGAN PELAJAR TAHUN PERTAMA DENGAN PELAJAR TAHUN AKHIR

*(The Development of University Student's Self-Identity:
Comparison between First Year Student with Final year Student)*

¹Zamimah Osman, ²Marini Kasim, ³Farah Mohamad Zain,
⁴Nur Hafizah Ismail & ⁵Farah Nadia Mohd Faudzi

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia

^{2&3}Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia

⁴Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan
Universiti Utara Malaysia

⁵Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia

¹Corresponding author: zamimah@uum.edu.my

Received: 3/11/2020 Revised: 3/12/2020 Accepted: 21/2/2021 Published: 30/12/2021

ABSTRAK

Institusi pendidikan tinggi kini berhadapan dengan cabaran untuk menghasilkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga dapat menjadi penyumbang kepada pasaran pekerjaan apabila mereka memasuki alam pekerjaan. Pembentukan identiti sendiri yang proaktif sangat penting dan perlu diberi perhatian

sepenuhnya oleh pihak universiti bagi merealisasikan hasrat untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan dapat memenuhi permintaan dalam pasaran global. Kajian ini bertujuan membuat perbandingan pembentukan identiti sendiri dalam kalangan pelajar tahun pertama dan tahun empat di universiti dengan berdasarkan kepada Teori Pembangunan Diri Chikering (1969). Pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Seramai sembilan orang pelajar Universiti Utara Malaysia yang terdiri daripada lima orang pelajar tahun pertama dan empat orang pelajar tahun akhir telah ditemu bual. Data diproses menggunakan perisian NVivo 10.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Teori Pembangunan Diri Chikering adalah sesuai untuk digunakan bagi mengenal pasti pembentukan identiti sendiri pelajar tahun pertama dan tahun akhir. Oleh itu, teori ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada institusi pengajian tinggi yang terlibat dalam merangka aktiviti kurikulum dan kokurikulum pelajar dengan mengambil kira elemen pembangunan identiti diri pelajar. Hasil kajian juga mendapati bahawa Teori Pembangunan Diri Chikering sesuai diaplikasikan untuk melihat pembentukan identiti sendiri pelajar. Dalam pengelasan pembentukan identiti sendiri pelajar berdasarkan Teori Pembangunan Diri Chikering, tujuh vektor tersebut boleh dibahagikan kepada dua tahap yang utama, iaitu tahap pertama pembentukan identiti sendiri pelajar terdiri daripada vektor 1 hingga vektor 4, manakala tahap kedua pembentukan identiti sendiri pelajar bermula dari vektor 5 sehingga vektor 7. Kajian ini diharap dapat membantu universiti untuk menjalankan aktiviti pembangunan pelajar dengan memfokuskan kepada pembentukan identiti sendiri pelajar berdasarkan kepada dua tahap pembentukan identiti sendiri yang telah dikenal pasti.

Kata kunci: Pembangunan identiti, pembangunan psikososial, institusi pengajian tinggi, Teori Pembangunan Diri Chikering.

ABSTRACT

Higher education institutions are facing several challenges of producing excellent graduates in academic and also preparing them to compete in the job market. Self-identity development is very important among students and needs to be fully addressed by the university to produce quality graduates and to meet demand in the global marketplace. The study aims to compare the identity development among students over the four years they are at university

using Chickering's Theory of Self Development (1969). Data collection using semi-structured interview methods. Five first year students and four final year students were interviewed. The selected data is processed using NVivo 10.0 software. The findings show that Chickering's Self Development Theory is significant in identifying the development of first and final year student's identity. It indicates that this theory is able to be as a guideline for the university in preparing curriculum and cocurriculum activities for the students. This study found that Chickering's Self Development Theory is suitable to be applied in developing student's self-identity. Based on this theory, students' self-identity development listed seven vectors which can be divided into two main stages, namely the first phase of student identity development consisting of vector 1 to 4 and the second phase of student identity development starting from vector 5 until 7. This study provides information on how to undertake student development activities by focusing on the development of student identities based on the two phases of Chickering's Self Development Theory.

Keywords: *Identity development, psychosocial development, institutions of higher learning, Chickering's Self Development Theory.*

PENGENALAN

Persekitaran dan suasana di universiti mampu membentuk perubahan ke atas sikap dan sifat pelajar sepanjang kehidupan mereka di universiti. Perubahan dari segi emosi, perasaan, kebergantungan kepada diri sendiri dan pencapaian merupakan sebahagian dari proses transisi pelajar untuk membentuk identiti masing-masing. Memahami proses pembangunan pelajar sepanjang kehidupan mereka di universiti penting untuk membantu pihak pentadbir universiti amnya dan para pensyarah khususnya berhadapan dengan para pelajar. Pembentukan identiti sendiri merupakan proses yang fleksibel (Tomlinson, 2010), bergantung kepada kemampuan seseorang individu untuk membentuk, mengadaptasi dan mengaplikasi identiti sendiri masing-masing sepanjang kehidupan mereka. Menurut Tomlinson (2010) juga, pembentukan identiti sendiri berlaku dengan lebih menyeluruh sekiranya individu tersebut terdedah dengan pelbagai jenis pengalaman terutamanya pengalaman sebagai pelajar universiti. Terdapat beberapa andaian asas berkaitan proses pembentukan pelajar. Antaranya ialah setiap pelajar adalah unik dan harus dilayan secara unik (Ben William *et al.*, 2008). Pelajar

berada di dalam persekitaran universiti yang secara keseluruhannya adalah persekitaran akademik, oleh itu pihak universiti seharusnya dapat membantu mereka sepenuhnya mereka untuk mencapai impian masing masing. Walaubagaimanapun, tanggungjawab sebenar dalam pembentukan identiti sendiri pelajar bergantung kepada pelajar masing-masing. Identiti setiap pelajar adalah unik terutamanya dari segi personaliti dan aktiviti yang dilakukan. Kesemua ciri unik ini secara tidak langsung membentuk integriti dalaman dan juga perhubungan interpersonal pelajar (Gabdrakhmanova, Khodyreva & Torniyova, 2016).

Gabdrakhmanova *et al.* (2016) menyatakan bahawa pembentukan identiti sendiri adalah sesuatu yang sukar dikenali, namun dalam hal merangka kurikulum dan kokurikulum yang bersesuaian dengan pembangunan diri pelajar, elemen pembentukan identiti sendiri perlu diambil kira. Oleh itu, kajian ini bertujuan membuat perbandingan pembentukan identiti sendiri dalam kalangan pelajar tahun pertama dan tahun akhir di universiti dengan berdasarkan kepada Teori Pembangunan Diri Chikering (1969) yang terkenal.

PENYATAAN MASALAH

Menurut Foubert dan Grainger (2006), pembentukan identiti sendiri merangkumi aspek perlakuan dan sikap dari segi psikologi, interpersonal dan fizikal seseorang individu. Astin (1977) dan Chickering (1969) berpendapat bahawa pembentukan identiti sendiri merupakan elemen yang penting bagi setiap pelajar ketika mereka menuntut ilmu di pusat pengajian tinggi berbanding aspek-aspek lain seperti akademik dan intelek. Setiap pelajar mempunyai tahap pembangunan sendiri yang berbeza bergantung kepada pengalaman dan penglibatan mereka di kampus secara menyeluruh. Hal ini kerana, pengalaman dan penglibatan pelajar ketika di pusat pengajian boleh meninggalkan kesan terhadap pembentukan identiti sendiri pelajar (Martin, 2000).

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan berkenaan pembangunan pelajar berdasarkan kepada Teori Pembangunan Diri Chickering. Antaranya, Widdick, Parker, dan Knepfelkanp (1978) yang membincangkan tentang proses pembangunan pelajar dalam pembentukan kurikulum. Manakala Moore dan Upcraft (1990) mengkaji kemahiran dan kompetensi pelajar dalam hubungan

interpersonal. Tinto (1993) pula mengkaji pembangunan personaliti pelajar, kematangan dan motivasi yang juga mendorong kepada pembentukan identiti pelajar. Daripada sorotan kajian, didapati kajian perbandingan pembentukan identiti pelajar di institusi pengajian tinggi masih belum diterokai. Oleh itu kajian ini diusulkan untuk membuat perbandingan pembentukan identiti sendiri dalam kalangan pelajar tahun pertama dan tahun akhir di institusi pengajian tinggi.

SOROTAN LITERATUR

Pembentukan Identiti

Pembentukan identiti adalah pembangunan keperibadian individu yang berterusan pada tahap tertentu kehidupan di mana seseorang itu diiktiraf atau dikenali. Identiti sebenar seseorang merangkumi rasa kesinambungan, perasaan keunikan daripada orang lain, dan rasa gabungan. Identiti sering dikaitkan dengan keluarga, kebudayaan, peribadi, professional dan sebagainya. Menurut Palmer (2008), pembentukan identiti adalah teras yang sentiasa berkembang melalui genetik (biologi) dan budaya. Selain itu, ia juga merangkumi orang yang dikasihi, orang yang kita ambil berat, orang yang telah menyakiti kita dan orang yang kita telah sakiti. Di samping itu, pembentukan identiti melibatkan perbuatan yang dilakukan kepada diri sendiri dan orang lain, pengalaman hidup, dan pilihan yang dibuat bersama dapat membentuk identiti diri kita saat ini.

Schwartz dan Petrova (2017) mendapati sistem pendidikan mempengaruhi pembentukan identiti pelajar. Sistem pendidikan yang dipraktikkan mampu membantu pelajar menetapkan matlamat dan cita-cita mereka pada masa depan. Pembentukan identiti juga amat menitikberatkan kepentingan individu, kemahiran, kebolehan, nilai dan kepercayaan. Pembentukan identiti yang berjaya juga termasuk membina rasa diingini serta hubungan dengan orang lain (Adams & Marshall, 1996). Kajian yang dijalankan oleh Minori (2009) mendapati pembentukan identiti juga boleh dipengaruhi oleh komuniti sekeliling seseorang itu. Jika seseorang itu tinggal di bandar mungkin cara jalinan hubungannya akan berbeza dari mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Oleh itu, perbezaan pembentukan identiti juga akan kelihatan berdasarkan tempat tinggal dan persekitaran mereka. Antara teori yang terkenal dan banyak dikaitkan dengan kajian pembentukan identiti, ialah Teori Pembangunan Diri Chikering.

Teori Pembangunan Diri Chickering Dalam Pembentukan Identiti Kendiri Pelajar

Teori Pembangunan Diri Chickering memberikan tumpuan kepada tujuh vektor iaitu membangunkan kompetensi, menguruskan emosi, bergerak melalui autonomi ke arah saling kebergantungan, membangun hubungan interpersonal yang matang, mewujudkan identiti, membangunkan tujuan dan membangun integriti (Chickering & Reisser, 1993).

i) Membangunkan kompetensi

Vektor yang pertama dalam Teori Pembangunan Diri Chickering ini ialah membangunkan kompetensi, ini termasuklah kecekapan intelektual, fizikal dan kerja tangan serta kecekapan bersosial. Kecekapan intelektual melibatkan penggunaan minda seseorang untuk membina kemahiran menggunakan pemikiran analitik, komprehensif dan perkembangan sudut pandangan dalam menangani pengalaman dalam kehidupan. Aspek fizikal dan kerja tangan melibatkan pencapaian olahraga dan seni masing-masing, serta peningkatan disiplin diri, kekuatan dan kecergasan, persaingan, dan penciptaan. Manakala kecekapan bersosial merujuk kepada kemahiran mendengar, memahami, berkomunikasi dan berfungsi dalam hubungan yang berbeza (Chickering & Reisser, 1993). Vektor ini sebenarnya penting terutamanya bagi pelajar yang baru sahaja memasuki universiti kerana mereka dalam proses untuk membebaskan diri dari pergantungan dengan keluarga. Jika vektor ini tidak berkembang dan dibangunkan, mungkin pelajar tersebut akan mengalami cacat intelektual dan akan terus bergantung serta memerlukan sokongan moral daripada orang sekeliling.

ii) Menguruskan emosi

Vektor yang kedua bagi Teori Pembangunan Diri Chickering adalah menguruskan emosi. Menguruskan emosi adalah penting supaya perasaan negatif seperti kebimbangan, kemarahan, kemurungan, keinginan, rasa bersalah, dan malu tidak menjadi terlalu ekstrem. Kebolehan mengurus emosi terutamanya dalam kalangan pelajar universiti bukannya sesuatu yang mudah, tetapi perlu dilaksanakan secara berstruktur agar pelajar bijak mengawal emosi mereka dan

dapat meluahkan emosi pada orang yang sepatutnya. Mengetahui dan menyedari emosi mereka yang berada pada peringkat minimum atau maksimum dan membantu mencari penyelesaian merupakan kunci untuk bergerak melalui vektor kedua ini (Chickering & Reisser, 1993).

iii) Bergerak melalui autonomi ke arah saling kebergantungan

Vektor ketiga dalam Teori Pembangunan Diri Chickering ini ialah menggerakkan autonomi ke arah saling kebergantungan. Peralihan dari autonomi ke arah saling kebergantungan memerlukan kebebasan emosi dan fizikal. Kebebasan emosi berlaku apabila terdapat perpisahan dari kumpulan sokongan, seperti ibu bapa, rakan sebaya, dan guru. Seseorang itu mesti menerima secara sukarela untuk kehilangan kumpulan sokongan supaya mereka dapat berusaha mencapai matlamat mereka dalam hidup dan menyatakan pendapat mereka sendiri. Manakala kebebasan fizikal pula apabila dapat menganjurkan aktiviti dan belajar bagaimana menyelesaikan masalah dengan sendirinya. Kebolehan untuk bergerak atau berfikir secara kritikal dan bebas dalam menukarkan idea kepada tindakan merupakan cabaran utama dalam vektor ini (Chickering & Reisser, 1993).

iv) Membangun hubungan interpersonal yang matang

Membangunkan hubungan interpersonal matang merupakan vektor keempat. Dua aspek vektor ini ialah (1) toleransi dan penghargaan terhadap perbezaan, dan (2) keupayaan untuk keintiman (Chickering & Reisser, 1993). Toleransi adalah antara budaya dan interpersonal. Pelajar perlu mempunyai sikap toleransi dan ia dapat dilihat dalam budaya yang berbeza dalam konteks perhubungan antara diri sendiri dan orang lain. Manakala keupayaan untuk keintiman merujuk kepada hubungan intim yang melibatkan ikatan emosional antara pelajar yang berbeza atau sama jantina (Md Faridz Ismail et al. 2018).

v) Mewujudkan identiti

Vektor kelima adalah mewujudkan identiti. Vektor ini penting kerana ia bergantung pada pembangunan dan perkembangan yang berlaku dalam empat vektor pertama (Chickering & Reisser, 1993). Dalam proses membentuk identiti perlu melibatkan: (1) keselesaan dengan tubuh badan dan penampilan, (2) keselesaan dengan jantina dan orientasi seksual, (3) rasa diri dalam konteks sosial, sejarah, dan

budaya, (4) penjelasan diri (5) penerimaan diri dan harga diri, dan (6) kestabilan dan integrasi peribadi (Chickering & Reisser, 1993). Oleh itu, memahami diri sendiri dan sikap terhadap diri sendiri adalah penting dalam mewujudkan identiti terutamanya di peringkat universiti.

(vi) Membangunkan tujuan

Aspek pembangunan tujuan pelajar yang mengambil kira keputusan mereka untuk menyambung pengajian adalah berbeza bergantung kepada matlamat kerjaya, aspirasi peribadi, komitmen kepada keluarga dan aspek lain dalam kehidupan. Pelajar perlu meningkatkan keazaman, minat, dan pilihan dalam merangka perancangan masa hadapan, walaupun mungkin wujud halangan dan cabaran. Vektor ini boleh dicapai sekiranya pelajar mengetahui hala tuju dan masa depan mereka.

(vii) Membangun Integriti

Vektor ketujuh dalam Teori Pembangunan Diri Chickering adalah berkenaan pembangunan integriti pelajar. Integriti merupakan pegangan kepada prinsip kepercayaan, nilai, dan matlamat yang ingin dicapai seseorang. Menurut Chickering dan Reisser (1993), integriti juga menekankan nilai-nilai kepercayaan, pandangan dan ketersediaan untuk mengekalkan rasa hormat diri dalam tingkah laku diri pelajar.

Secara keseluruhannya ketujuh-tujuh vektor ini melambangkan arah dan magnitud perkembangan pelajar. Dalam kajian ini, ketujuh-tujuh vektor digunakan untuk mengkaji pembangunan identiti pelajar sepanjang pengajian mereka di universiti. Kesemua vektor ini boleh menjelaskan pembentukan identiti sendiri pelajar secara emosi, sosial, fizikal dan intelektual.

Vektor dalam Teori Pembangunan Diri Chickering bersifat linear dan fleksibel. Pergerakan daripada satu vektor kepada vektor lain adalah berturutan dan boleh juga bersifat sebaliknya. Ia merangkumi peningkatan kemahiran, kekuatan, keyakinan, kesedaran, kerumitan dan integrasi (Chickering & Reisser, 1993; Evans, Forney, Guido, Patton, & Renn, 2010). Teori ini menjelaskan bahawa perkembangan identiti diri pelajar adalah berbeza. Hal ini kerana pembentukan

identiti sendiri pelajar bergantung kepada emosi, sosial, fizikal dan intelektual pelajar. Walau bagaimanapun, pembangunan identiti pelajar ini tidak semestinya berlaku kepada semua pelajar (Evans, Forney & Guido-DiBrito, 1998).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif menerusi temubual bersama pelajar tahun pertama dan tahun akhir untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan mendalam tentang perbandingan pembentukan identiti sendiri pelajar di universiti. Kajian ini memilih pelajar tahun pertama kerana pembentukan identiti sendiri mereka masih di peringkat awal dan belum terbentuk sepenuhnya. Manakala pemilihan pelajar tahun akhir dibuat adalah kerana pelajar ini dianggap telah melalui proses pembentukan sendiri yang lengkap. Penyelidikan ini menggunakan data primer, iaitu data yang dikumpulkan melalui kajian lapangan (Bailey, 2007). Dalam penyelidikan ini, teknik yang digunakan untuk mendapatkan data primer ialah melalui kaedah temu bual berstruktur (Berg, 2009). Soalan temu bual berstruktur dibentuk berdasarkan kepada tujuh vektor dalam Teori Pembangunan Diri Chikering. Setiap soalan temubual yang dikemukakan selari dengan dua tahap pembentukan identiti sendiri pelajar iaitu tahap pertama terdiri daripada vektor 1 hingga vektor 4, manakala tahap kedua bermula dari vektor 5 sehingga vektor 7. Menurut Awang (2001), dalam menjalankan penyelidikan kajian lapangan, perkara penting yang perlu diberikan perhatian ialah mendapatkan perakuan data atau maklumat yang diperoleh daripada responden. Dalam penyelidikan ini, ketika proses untuk mendapatkan perakuan data atau maklumat kajian, responden kajian seharusnya bersifat terbuka dan sanggup memberikan maklumat dan jawapan yang telus, tidak terhad dan mendalam terhadap persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual tanpa sebarang bentuk prejudis.


Prosedur Temu Bual

Beberapa sesi temu bual bersama pelajar tahun pertama dan pelajar tahun akhir (tahun keempat program Ijazah Sarjana Muda) telah diadakan. Sebanyak lima orang pelajar tahun pertama dan empat orang pelajar tahun akhir yang mempunyai tahap penglibatan dalam aktiviti kampus yang berbeza dipilih secara rawak untuk ditemu

bual. Kajian ini memfokuskan kumpulan pelajar tahun pertama dan pelajar tahun akhir. Pemilihan pelajar dalam kumpulan untuk ditemubual dilakukan secara rawak untuk memberikan gambaran secara menyeluruh kepada pengkaji untuk melihat pembangunan identiti responden dari pelbagai sudut dan perspektif berdasarkan pengalaman responden yang berbeza. Penyelidik telah mendapatkan senarai nama pelajar tahun pertama dan tahun akhir daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Berdasarkan senarai nama tersebut, seramai dua orang pelajar tahun pertama dan dua orang pelajar tahun akhir dipilih daripada sepuluh kolej kediaman. Daripada 20 pelajar tahun pertama dan 20 pelajar tahun akhir, 5 pelajar tahun pertama dan 4 pelajar tahun akhir dipilih secara rawak melalui cabutan undi. Setiap temu bual yang dirakam dalam kajian ini menggunakan perisian perakam audio pada telefon bimbit jenis *Iphone* dan *OnePlus*. Tujuan utama kaedah merakam sesi temu bual adalah untuk membolehkan pengkaji mempunyai rekod maklumat atau data yang kekal dan membolehkan pengkaji memberikan sepenuh perhatian terhadap sesi temu bual tersebut (Johnson, 1975). Semua sesi temu bual dalam kajian ini telah dirakam oleh pengkaji dan disalin semula dalam bentuk transkrip. Sebanyak sembilan sesi temu bual telah ditranskrip oleh pengkaji ke dalam fail *Microsoft Word* dan seterusnya dilampirkan dalam program *NVivo 10.0* untuk proses menganalisis data. Dapatan temubual diproses secara tematik iaitu dengan mengenal pasti tema dan mengekod jawapan temubual mengikut tema.

Rajah 1

Proses Pengumpulan Data



Jadual 1

Bilangan Responden dan Tahun Pengajian

Bilangan Responden	Tahun pengajian	Demografi
1	Tahun Pertama	Umur: 18 Jantina: Perempuan Program: Bach. of Accounting (Hons)
2	Tahun Pertama	Umur: 18 Jantina: Perempuan Program: Bach. of Business Administration (Hons)
3	Tahun Pertama	Umur: 18 Jantina: Perempuan Program: Bach. of Muamalat Administration
4	Tahun Pertama	Umur: 18 Jantina: Lelaki Program: Bach. of Finance (Hons)
5	Tahun Pertama	Umur: 18 Jantina: Lelaki Program: Bach. of Operations Management (Hons)
6	Tahun Akhir	Umur: 21 Jantina: Perempuan Program: Bach. of Computer Science (Hons)
7	Tahun Akhir	Umur: 21 Jantina: Lelaki Program: Bach. of Linguistics and Information Technology (Hons)
8	Tahun Akhir	Umur: 21 Jantina: Lelaki Program: Bach. of Science (Decision Science)
9	Tahun Akhir	Umur: 21 Jantina: Perempuan Program: Bach. of Education (Moral Education)

Kaedah Temu Bual Separa Berstruktur

Secara umumnya, temu bual semi-struktur menggunakan kaedah temu bual secara mendalam. Untuk mencapai objektif kajian melalui kaedah temu bual semi-struktur, garis panduan asas ketika menemu bual responden diperlukan untuk kelancaran proses temu bual dan memastikan responden dapat menjawab persoalan kajian secara menyeluruh. Oleh demikian, kaedah temu bual semi-struktur terhadap responden amat bersesuaian digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Taylor dan Bogdan (1998) menerangkan bahawa elemen fleksibiliti yang terdapat dalam kaedah temu bual semi-struktur ini membenarkan pengkaji untuk mengolah dan mengubah suai soalan temu bual untuk memahami situasi dan fenomena yang dikaji. Hal ini kerana, elemen fleksibiliti yang terdapat dalam sesi temu bual dapat membantu melancarkan proses penceritaan pengalaman dan pengetahuan melibatkan responden ketika sesi temu bual tersebut sedang berlangsung. Selain itu, elemen fleksibiliti dalam sesi temu bual semi-struktur membolehkan pengkaji mengubah bentuk soalan kajian apabila terdapat pernyataan diberikan oleh responden yang kadangkala tidak dijangkakan secara tiba-tiba. Oleh sebab itu, melalui kaedah temu bual semi-struktur, pengkaji dapat mengubahsuai dan menyelaraskan soalan kajian berdasarkan pernyataan atau maklumat yang diperoleh dari responden ketika sesi temu bual (Hsiung, 2014).

Jadual 2

Contoh Soalan Temu Bual

Aspek	Responden	Contoh Soalan
Aspek 1	Pelajar tahun pertama pengajian	● Ceritakan pada saya tentang apa yang telah kamu pelajari semenjak masuk ke Universiti Utara Malaysia? Bagaimanakah kamu menghadapi isu-isu seperti kompetensi, emosi diri dan hubungan interpersonal? ● Adakah kamu merasakan bahawa sekarang ini kamu telah berjaya membentuk identiti kamu berbanding sebelum kamu datang ke sini? ● Apakah faktor yang mempengaruhi pembentukan identiti kamu?

(sambungan)

Aspek	Responden	Contoh Soalan
Aspek 2	Pelajar tahun terakhir pengajian	● Ceritakan kepada saya tentang sumbangan kamu terhadap Pusat Pengajian, program, kolej kediaman mahupun di peringkat universiti; baik dari aspek akademik atau aktiviti kurikulum. ● Berikan pendapat kamu terhadap pernyataan berikut, 'Hanya pelajar yang berdisiplin dan mematuhi peraturan universiti sahaja yang akan memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan'.

DAPATAN KAJIAN

Daripada temu bual yang dijalankan, dapat dirumuskan bahawa tahap pembangunan identiti pelajar dapat dibahagikan kepada dua tahap, iaitu tahap pertama terdiri daripada vektor 1 sehingga vektor 4 dan tahap kedua terdiri daripada vektor 5 sehingga vektor 7. Kajian mendapati sebilangan pelajar tahun pertama dan tahun akhir dapat menguasai kedua-dua tahap pembangunan identiti, iaitu vektor 1 hingga 7. Perbandingan pembentukan identiti sendiri pelajar dapat dilihat melalui Jadual 3.

Perbandingan Tahap Pembangunan Diri Pelajar Tahun Pertama dan Tahun Akhir

Responden/ Tahun Pengajian	Membangunkan Kompetensi	Menguruskan emosi	Bergerak melalui autonomi ke arah saling ketergantungan	Membangun hubungan interpersonal yang matang	Mewujudkan identiti	Membangunkan tujuan	Membangun integriti
Tahun Pertama							
Responden 1	• Boleh memilih kursus yang sesuai dengan disiplin diri	• Dapat mengawal emosi	• Boleh berdikari. Kebarangkalian untuk melanggar disiplin tinggi	• Pandai memilih kawan	• Suasana pembelajaran di UUM membantu untuk membentuk identiti diri • Pembentukan identiti sendiri masih kurang stabil • Hanya menyertai kelab	• Tahu dengan jelas tujuan masuk ke UUM	• Pernah meniru dalam kelas • Tugasan yang diberikan membantu untuk ubah diri
Responden 2	• Belajar mengurus masa dengan bijak	• Sederhana • Masih berkongsi masalah dengan ibu bapa	• Boleh selesai masalah sendiri.	• Mudah berkawan.	• Perubahan dari kawan dengan rakan sebaya kepada berkawan dengan pelbagai peringkat umur	• Mewakili UUM main ragbi	• Sederhana, kurang setuju akademik dan disiplin berkaitan rapat

(sambungan)

Responden/ Tahun Pengajian	Membangunkan Kompetensi	Menguruskan emosi	Bergerak melalui autonomi ke arah saling ketergantungan	Membangun hubungan interpersonal yang matang	Mewujudkan identiti	Membangunkan tujuan	Membangun integriti
Responden 3	• Dari sukar berkawan kepada berani berkawan • Kesukaran dalam menguruskan masa belajar	• Rindu pada keluarga		• Boleh mencari ramai kawan	• Program yang diikuti di UUM membantu untuk membentuk identiti daripada pemalu kepada berani bersuara	• Belum ada apa-apa sumbangan kepada uum	• Akan meniru sekiranya ada kesempatan • Darpada rajin jadi kurang rajin
Responden 4	• Boleh berdikari Boleh urus masa	• Boleh urus emosi	• Berdikari		• Boleh menjadi pengacara majlis untuk acara penting UUM pada masa depan	• Aktif dalam kelab kembara dan pengacaraan belajar	• Boleh menerima perubahan suasana belajar
Responden 5	• <i>Survivor</i> dan bersaing dengan bangsa asing	• Gagal Masalah untuk mendapat kawan baru	• Markah rendah semester pertama terus usaha untuk semester akan datang		• Pandai mengurus masa Jati diri lebih tinggi	• Ahli kelab biasa	• Jelas. Lepas graduasi akan kerja di syarikat perakaunan
Tahun Akhir							
Responden 6	• Berdikari. • Keyakinan diri semakin tinggi	• Di UUM keyakinan diri makin tinggi. • Semangat untuk meneroka perkara baru.	• Sumbangan ko-kurikulum, berkayak, tidur dalam hutan, program di Kelantan.		• Menjadi kurang kebangtungan	• Mula meminati kerjaya sebagai guru kaunseling	• Kursus yang diikuti berjaya membina identiti pelajar yang positif

Responden/ Tahun Pengajian	Membangunkan Kompetensi	Menguruskan emosi	Bergerak melalui autonomi ke arah saling ketergantungan	Membangun hubungan interpersonal yang matang	Mewujudkan identiti	Membangunkan tujuan	Membangun integriti
Responden 7	• Dari pendiam kepada petah berbicara	• Dapat mengawal emosi dengan baik	• Menjadi setiausaha persatuan • Pengurusan Pendidikan, SEML, main ping pong				
Responden 8	• Boleh buat keputusan sendiri	• Boleh mengawal emosi	• Sertai kelab KEMBARA dan melakukan aktiviti mencabar		• Tak pasti	• Masuk UUM atas cadangan dan pilihan terakhir.	• Ingin bekerja dalam bidang pengurusan sumber manusia • Gagal mematuhi peraturan Universiti • Meniru dan plagiat tugas-kawan-kawan • Melanggar etika berpakaian
Responden 9							

Perbandingan Pembangunan Identiti Pelajar Tahun Pertama dan Tahun Akhir

Membangunkan Kompetensi

Vektor yang pertama yang menjadi tema penting ialah membangunkan kompetensi termasuk kecekapan intelektual, fizikal dan kerja tangan serta kecekapan bersosial. Menurut Teori Pembangunan Diri Chickering (Chickering & Reisser, 1993), vektor membangunkan kompetensi berada di fasa pertama bagi pelajar yang baru memasuki universiti. Hasil temu bual yang dijalankan ke atas pelajar tahun pertama dan tahun akhir mampu membuktikan bahawa semasa berada di UUM, pembangunan kompetensi berjaya dibentuk seawal mereka berada di tahun pertama.

- Pengkaji: Apakah yang telah dipelajari selama setahun berada di UUM.
- Responden 1: Kalau dulu, di matrik ataupun sekolah, jadual kita telah disusun. Kena bijak susun jadual kita sendiri yang kita selesa.
- Responden 2: Yang paling ketara saya belajar untuk membahagikan masa.
- Responden 3: Saya adalah seorang yang susah nak berkawan, bila masuk UUM saya jadi berani untuk mencari kawan.
- Responden 4: Suasana berbeza dari segi pembelajaran, di UUM perlu susun sendiri subjek yang perlu diambil, tak boleh gerak dengan kawan, kena *survive* sendiri.
- Responden 5: *Survivor* dan bersaing, terutamanya dengan bangsa asing

Menguruskan Emosi

Vektor seterusnya ialah adalah menguruskan emosi. Kebolehan pelajar untuk menguruskan emosi seperti kebimbangan, kemarahan, kemurungan dan sebagainya tidak menjadi terlalu ekstrem. Temu bual yang dijalankan ke atas pelajar tahun pertama dan pelajar tahun akhir memperlihatkan bahawa persekitaran UUM mampu membentuk para pelajar menjadi individu yang mampu menguruskan emosi

- Pengkaji: Dari segi emosi, bagaimana mengharungi hidup dikampus jauh dari keluarga, *homesick* tak?

- Responden 1 : Tak banyak sangat gangguan emosi sebab dah biasa tinggal di asrama dan untuk mencari kawan pun mudah
- Responden 2 : Emosi paling penting untuk menyelesaikan masalah, saya lebih selesa untuk berkongsi dengan ibu bapa saya.
- Responden 3 : Saya tak pernah dok asrama, suasana agak berbeza, dari segi membuat keputusan. Saya perlu sesuaikan diri.
- Responden 4 : Dari Tingkatan 1 dok asrama, jadi taka da masalah homesick; Cuma kadang-kadang nak final exam tu..kena pandai menguruskan stress.
- Responden 5 : Biasa tinggal di asrama, jadi taka da masalah homesick, Cuma masalah untuk dapatkan kawan baru

Bergerak melalui autonomi ke arah saling ketergantungan

Hasil temu bual dengan kesemua responden, didapati bahawa masing-masing mampu bergerak melalui autonomi ke arah saling ketergantungan ketika di universiti. Misalnya, responden 1, responden 3, responden 4 tahun pertama pengajian memberikan pendapat bahawa menjalani kehidupan sebagai pelajar di universiti telah banyak membantu menjadikan mereka lebih berdikari. Selain itu, responden 1 dan responden 4 tahun akhir pengajian turut menyatakan bahawa selain daripada boleh berdikari, kehidupan di universiti turut mempengaruhi kebolehan untuk menyelesaikan masalah. Perkara ini dapat dibuktikan melalui temu bual yang dijalankan

- Pengkaji : Bagaimanakah kamu menghadapi isu-isu autonomi diri ketika di universiti seperti tanggungjawab dalam membuat keputusan?
- Responden 4 (tahun akhir) Saya menjadi lebih berdikari dan belajar membuat keputusan sendiri tentang apa-apa perkara berkaitan pengajian di universiti.
- Pengkaji : Adakah kamu sedar bahawa setiap keputusan yang kamu buat itu akan mendatangkan kesan baik atau buruk?

Responden 4 (tahun akhir) Jika terdapat sebarang masalah yang timbul akibat keputusan yang saya buat, saya kena hadapi dan belajar untuk selesaikan masalah itu.

Membangunkan hubungan interpersonal yang matang

Selain itu, dapatan kajian turut mendapati hampir kesemua responden dapat membangunkan hubungan interpersonal yang matang ketika di universiti. Contohnya responden 1 dan responden 2 tahun pertama pengajian memaklumkan bahawa pemilihan kawan yang tepat mampu mempengaruhi hubungan interpersonal yang lebih baik. Manakala responden 2 dan 3 tahun akhir pengajian memberitahu bahawa hasil daripada hubungan interpersonal yang matang sangat membantu memudahkan mereka untuk menjalinkan persahabatan antara pelajar lain yang berbeza umur dan program pengajian di universiti.

Pengkaji : Bagaimanakah kamu menghadapi isu-isu dalam hubungan interpersonal dengan rakan di universiti?

Responden 2 Saya perlu bersikap memilih kawan
(tahun pertama) yang boleh membantu saya di universiti dan cuba elakkan berkawan dengan kumpulan yang malas belajar atau suka membuat masalah di kolej atau kelas.

Responden 3 (tahun akhir) Kita perlu bersikap matang apabila berkawan. Saya juga mudah berkawan dengan pelajar yang lebih muda atau lebih tua walaupun berbeza fakulti.

Namun begitu, hanya responden 5 tahun pertama pengajian masih gagal untuk membentuk pembangunan hubungan interpersonal yang matang di universiti.

Pengkaji : Bagaimanakah kamu menghadapi isu-isu dalam hubungan interpersonal dengan rakan di universiti?

Responden 5 (tahun pertama) Saya berasa sukar untuk mendapat rakan baru kerana kurang mengenali pelajar lain dan sentiasa sibuk melakukan aktiviti bersama kumpulan rakan yang rapat sahaja.

Pengkaji : Pada pendapat kamu, apakah yang perlu kamu lakukan untuk meningkatkan hubungan interpersonal untuk menambah bilangan rakan baru di universiti ini?

Responden 5 (tahun pertama) Mungkin saya perlu bergerak aktif dalam kelab dan persatuan yang lain untuk membolehkan saya menemui rakan baru.

Mewujudkan identiti

Kajian mendapati bahawa suasana pembelajaran dan pengalaman di universiti berjaya mempengaruhi kewujudan identiti responden 1 responden 2 tahun akhir pengajian melalui kecenderungan untuk membuat keputusan sendiri berdasarkan rasional. Malahan, responden 5 tahun pertama pengajian memaklumkan bahawa identiti baru berjaya dibentuk melalui kecekapan menguruskan masa dan peningkatan jati diri berbanding sebelum memasuki universiti. Responden 3 dan responden 2 tahun pertama turut menyatakan bahawa kewujudan identiti dapat dilihat berdasarkan perubahan sikap pemalu kepada lantang bersuara dan skop persahabatan yang lebih menjadi meluas berbanding hanya bertumpu kepada skop persahabatan yang terhad seperti rakan sekelas. Dapatan kajian ini selari dengan Teori Pembangunan Diri Chickering yang menyatakan bahawa tahap vektor dalam Teori Pembangunan Diri Chickering bersifat linier dan fleksibel. Pergerakan daripada satu vektor kepada vektor lain adalah berturutan dan boleh juga bersifat sebaliknya. Pengkaji: Adakah kamu merasakan bahawa sekarang ini kamu telah berjaya membentuk identiti kamu berbanding sebelum kamu datang ke sini?

Responden 5 (tahun pertama) Ya. Jati diri saya semakin tinggi
Pengkaji Apakah faktor yang mempengaruhi pembentukan identiti kamu?

Responden 5 (tahun pertama): Suasana persekitaran di kampus dan rakan-rakan

Dapatan kajian turut merekodkan pembentukan identiti sendiri responden 1 tahun pertama pengajian bersama responden 3 dan responden 4 tahun akhir pengajian masih kurang berjaya dalam beberapa aspek. Misalnya responden 3 dan responden 4 masih tidak bersungguh-sungguh dalam menyiapkan tugas yang diberikan dan

turut melanggar etika pemakaian ketika hadir ke kelas seperti tidak memakai tali leher.

Pengkaji : Adakah kamu merasakan bahawa sekarang ini kamu telah berjaya membentuk identiti kamu berbanding sebelum kamu datang ke sini?

Responden 3 (tahun akhir) Terdapat identiti yang sudah terbentuk contohnya dalam aspek A, tetapi ada juga identiti yang tidak berjaya dibentuk contohnya dalam aspek B.

Pengkaji: Boleh kamu terangkan dengan lebih terperinci tentang contoh dalam aspek B di mana terdapat identiti yang masih tidak berjaya dibentuk?

Responden 3 (tahun akhir) Contohnya dress code terutamanya jika terlambat ke kelas kerana tidak cukup masa untuk bersiap. Selalunya saya berasa malas untuk memakai tali leher dan tuck in baju kerana panas

Membangunkan Tujuan

Berdasarkan peringkat keenam Teori Pembangunan Diri Chickering iaitu membangunkan tujuan, kesemua responden telah berjaya membangunkan tujuan hidup yang jelas kecuali responden yang ketiga (tahun pertama). Kesemua lapan responden yang lain berjaya pada peringkat keenam ini kerana mempunyai kerjaya impian yang jelas, aspirasi peribadi, komitmen kepada pelajaran, universiti, keluarga, rakan-rakan atau diri sendiri. Contohnya, kebanyakan responden mempunyai tujuan dalam hidup mereka melalui penglibatan dalam kokurikulum seperti kelab, program, sukan serta mengenalpati kerjaya yang diminati. Contoh, mempunyai minat dalam bidang sumber manusia dan aktif dalam kelab kembara di universiti. Walaubagaimanapun, berbanding responden 6, responden 7 masih kabur dalam kerjaya masa hadapannya walaupun telah berada pada tahun akhir.

- Responden 6 (tahun akhir) Saya rasa bidang Human Resource ini sangat menarik. Saya ingin bekerja dalam bidang Human Resource suatu hari nanti.
- juga responden 8 dan 9 Saya rasa Kelab Kembara dapat menarik minat saya melalui aktiviti outdoor yang dianjurkan mempunyai tujuan jelas tentang kerjaya mereka iaitu sebagai guru kaunseling
- Responden 8 (tahun akhir) Dari kecil lagi saya bercita-cita untuk menjadi seorang guru kaunseling
- Responden 9 (tahun akhir) Saya mula minat kerjaya guru semenjak dari sekolah menengah lagi.
- Responden 6 (tahun akhir) Saya masih belum tahu kerjaya yang saya minati.

Membangun Integriti

Peringkat terakhir Teori Pembangunan Diri Chickering ialah membangunkan integriti. Pelajar perlu memastikan nilai integriti yang dipegang di universiti adalah konsisten dengan kepercayaan diri sendiri (Chickering, 1969). Kajian ini mendapati bahawa seramai enam orang responden berjaya membangunkan integriti dalam diri mereka, apabila memberi maklum balas bahawa mereka tidak akan meniru

ketika ditanya sama ada jika mereka ada kesempatan untuk meniru dalam peperiksaan atau tugas. Hal ini kerana mereka berpendapat persediaan awal untuk menghadapi peperiksaan adalah penting.

- Responden 4 (tahun pertama) Persediaan awal dan fokus dalam kelas sangat penting untuk menghadapi peperiksaan.
- Responden 8 (tahun akhir) Saya akan cuba menyiapkan tugas walaupun lambat, tetapi tidak akan meniru.

Walaupun bagaimanapun, pembentukan integriti diri responden 3 dan 6 masih belum menyeluruh kerana mereka mengakui mereka masih meniru.

Responden 3 (tahun pertama) Saya ada jugak meniru semasa menyiapkan tugas yang diberikan.

Responden 7 (tahun akhir) Saya tidak pernah meniru ketika peperiksaan tetapi saya pernah meniru tugas kumpulan lain kerana tidak cukup masa

PENUTUP

Pembentukan identiti sendiri pelajar di institusi pengajian tinggi sangat berkait rapat dengan perkembangan psikososial mereka. Pembentukan identiti sendiri yang positif akan menjadi nilai tambah kepada pelajar apabila mereka memasuki pasaran kerjaya. Dalam kalangan pelajar universiti, pembentukan identiti sendiri boleh dilihat melalui teori yang dikemukakan oleh Chikering. Teori ini ternyata berjaya menyenaraikan tahap pembangunan identiti diri pelajar yang seiring dengan tahap pengajian mereka di institusi pengajian tinggi. Kajian ini diharap boleh dijadikan garis panduan dan rujukan kepada pihak pengurusan universiti dengan mengambil kira tahap pembentukan identiti sendiri pelajar dengan perancangan aktiviti bagi tujuan pembangunan diri pelajar. Pembangunan identiti diri pelajar yang mantap bukan sahaja dapat menjamin pencapaian akademik yang cemerlang bahkan juga dapat melahirkan pelajar yang berkualiti dan mempunyai ciri kepimpinan diri yang tinggi. Selain pihak pengurusan, pensyarah dan pihak kepimpinan pelajar sendiri juga perlu peka dan menitik beratkan elemen pembentukan dan pembangunan identiti diri pelajar bagi membantu untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing selepas mereka menamatkan pengajian di universiti.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

RUJUKAN

- Awang, I. (2001). *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Awang, I. (2001). *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Bailey, C. A. (2007). *A Guide to Qualitative Field Research (2nd Ed.)*. United Kingdom: Sage Publication Ltd.
- Bailey, C. A. (2007). *A Guide to Qualitative Field Research (2nd Ed.)*. United Kingdom: Sage Publication Ltd.
- Berg, B. L. (2009). *Qualitative Research Methods for the Social Sciences (7th Ed.)*. Boston: Pearson International Edition.
- Berg, B. L. (2009). *Qualitative Research Methods for the Social Sciences (7th Ed.)*. Boston: Pearson International Edition.
- Chickering, A. W.(1969). *Education and Identity*. San Francisco: Jossey Bass.
- Chickering, A. W.(1969). *Education and Identity*. San Francisco: Jossey Bass.
- Chickering, A. W., & Reisser, L. (1993). *Education and identity (2 ed)* San Francisco: Jossey-Bass.
- Chickering, A.W., & Reisser,L. (1993). *Education and Identity (2 ed)*. Wiley, 1993.
- employability, *Education, Knowledge and Economy* 4, no. 2: 73-88
- employability, *Education, Knowledge and Economy* 4, no. 2: 73-88
- Findings. *New Directions for Student Services*, 4:13-23.
- Findings. *New Directions for Student Services*, 4:13-23.
- Gabdrakhmanova,R.G., Khodyreva, E.A., & Tornyova, B.L 2016. Problems of Students Identity Development in the Educational Environment of the University for Humanities, *International Journal of Environmental & Science Education*, 11(3):95 – 105.
- Gabdrakhmanova,R.G., Khodyreva, E.A., &Tornyova, B.L 2016. Problems of Students Identity Development in the Educational Environment of the University for Humanities, *International Journal of Environmental & Science Education*, 11(3):95 – 105.
- Hsiung, P.C. (2014). Characteristics of Good Interview. *Lives and Legacies: A Guide toQualitative Interviewing*. Retrieved on July 14, 2019 from <http://www.utsa.utoronto.ca/~pchsiung/LAL/interviewing/characteristics>
- Hsiung, P.C. (2014). Characteristics of Good Interview. *Lives and Legacies: A Guide toQualitative Interviewing*. Retrieved on July

- 14, 2019 from <http://www.uts.utoronto.ca/~pchsiung/LAL/interviewing/characteristics>
- In L. Kneffekamp, C. Widdick, and G. Parker (Eds). Applying new. Developmental
- In L. Kneffekamp, C. Widdick, and G. Parker (Eds).(1978). Applying new. Developmental Issues 1-4., Jossey-Bass, 1978
- Johnson, J. (1975). *Doing Field Research*. London: Free Press.
- Johnson, J. (1975). *Doing Field Research*. London: Free Press.
- Moore, L. & Upcraft, L. (1990). Theory in Student Affairs. New Directions in Student Services, 51: 3-25. New York: John Wiley and Sons. San Francisco: Jossey-Bass.
- Moore, L. & Upcraft, L. (1990). Theory in Student Affairs. New Directions in Student Services, 51: 3-25.
- New York: John Wiley and Sons.
- Schwartz, S. J. & Petrova, M. (2017). Fostering Healthy Identity Development in Adolescence. *Identity in Adolescence*, 5 (1), 2-11.
- Schwartz, S. J. & Petrova, M. (2017). Fostering Healthy Identity Development in Adolescence. *Identity in Adolescence*, 5 (1), 2-11.
- Taylor, S. & Bogdan, R., (1998). *Introduction to Qualitative Research Methods (3rd Eds.)*.
- Taylor, S. & Bogdan, R., (1998). *Introduction to Qualitative Research Methods (3rd Eds.)*.
- Tinto, V. (1993). Leaving College: rethinking the causes and cures of student attrition, second edition. Chicago: University of Chicago Press.
- Tinto, V. (1993). Leaving College: rethinking the causes and cures of student attrition, second edition. Chicago: University of Chicago Press.
- Tomlinson, M. 2010. Investing in the self: Structure, agency and identity in graduates' Education, Knowledge and Economy, 4 (2), 73-88. (doi:10.1080/17496896.2010.499273)
- Tomlinson, M. 2010. Investing in the self: Structure, agency and identity in graduates'
- Widdick, C., Parker, C., & Kneffekamp, L. (1978). Arthur Chickering's Vectors of Development. Retrieved from: <https://studentdevelopmenttheory.weebly.com/chickering.html>
- Widdick, C., Parker, C., & Kneffekamp, L. (1978). Arthur Chickering's Vectors of Development.

- Williams, B., Myerson, J., & Hale, S. (2008). Individual Differences, Intelligence, and Behavior., *Analysis. Journal of the Experimental Analysis of Behavior*, 90(2), 219-231. doi:10.1901/jeab.2008.90219
- Williams, B., Myerson, J., & Hale, S. (2008). *Individual Differences, Intelligence, and Behavior Analysis. Journal of the Experimental Analysis of Behavior*, 90(2), 219-231. doi:10.1901/jeab.2008.90-219